

Kerajaan Perpaduan tak pernah pinggir Kelantan

Negeri diberi dana tertinggi berbanding ketika pemerintahan PAS, BERSATU

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan Kerajaan Perpaduan tidak pernah meminggirkan Kelantan apabila negeri itu menerima peruntukan tertinggi berbanding ketika Kerajaan Persekutuan ditadbir oleh PAS dan BERSATU.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, beberapa cadangan projek pembangunan yang dikemukakan Kelantan kepada beliau sudah ditangani, antaranya peruntukan tebatan banjir, air bersih dan pembangunan negeri.

"Itu pandangan (menganaktirikan Kelantan) tidak ikut fakta, saya sudah beri peruntukan untuk Kelantan paling tinggi, patut dia tanya (persoalkan) mengenai cara pengurusan negeri.

"Peruntukan yang diberikan Kerajaan Perpaduan sekarang lebih banyak berbanding PAS dan BERSATU berikan dalam kerajaan sebelum ini. Di mana dia kata anak tiri?" katanya ditemui media selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan Meja Bulat Asia-Pasifik di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata demikian mengulas dakwaan Penolong Setiausaha Agung PAS yang juga Ahli Parlimen Bachok, Mohd Syahir Sulaiman dalam Debat Model Ekonomi Baharu Malaysia, Kerajaan Persekutuan malam kelmarin, ko-



Anak muda mengambil kesempatan bergambar dengan Anwar pada Ceramah Mega Jelajah Perpaduan MADANI Terengganu di Wakaf Tapai, malam kelmarin. (Foto BERNAMA)



nonnya Kerajaan Persekutuan mengabaikan Kelantan.

Anwar turut menasihati Mohd Syahir sebagai pemimpin muda untuk lebih berani menyelesaikan masalah dalaman yang dihadapi partinya, selain memberikan cadangan penambakan.

"Semua cadangan yang penting untuk Kelantan saya telah terima. Beliau sebagai pemimpin muda sepatutnya lebih berani menyelesaikan masalah dalaman parti," katanya.

Pada sesi debatnya bersama Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli yang disiarkan secara langsung malam kelmarin, Mohd Syahir membangkitkan isu bahawa punca utama Kelantan masih menjadi negeri miskin ialah disebabkan isu 'federalisme'.

Menurut Mohd Syahir, isu itu telah menyebabkan beberapa hak negeri Kelantan dinafikan,

termasuk royalti disebabkan perbezaan pentadbiran antara kerajaan Persekutuan dan negeri.

Dalam jawapan balasannya, Rafizi Ramli menegaskan Kelantan menerima peruntukan besar daripada Kerajaan Persekutuan berbanding beberapa negeri lain, namun disebabkan pentadbirannya yang tidak cekap, negeri itu kekal miskin.

Aramco labur di Kemaman

Sementara itu, berucap di Ceramah Mega Jelajah Perpaduan MADANI Terengganu di Wakaf Tapai, Terengganu, malam kelmarin, Anwar berkata, beliau telah meminta syarikat minyak dan gas terbesar dunia, Saudi Aramco untuk melabur di Kemaman, Terengganu.

Beliau berkata, sebelum ini Pengerusi Aramco, Yasir O Al-Rumayyan memaklumkan kepadanya syarikat itu mahu menjadikan Johor sebagai pusat gerakan mereka di rantau Asia Tenggara.

"Tetapi saya kata tidak apa dan saya bagi tahu suruh pergi ke Kemaman," katanya.

Mengulas lanjut, Anwar berkata ketika Yang di-Pertuan

Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berangkat menunaikan haji baru-baru ini, Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud dan Perdana Menteri, Putera Mohammed bin Salman bin Abdulaziz Al-Saud juga memaklumkan bahawa negara itu bersetuju untuk jadikan Malaysia pusat pelaburan terbesar Arab Saudi di Asia Tenggara.

"Ini semua bukan sebab Anwar Ibrahim, tetapi kerana kerjasama Pakatan Harapan, Barisan Nasional dan Sabah serta Sarawak. Mereka tahu kerajaan kita sekarang ini stabil," katanya.

Dalam pada itu, Anwar berkongsi perasaan terutang budi kepada dua tokoh pemimpin politik Allahyarham Tan Sri Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Allahyarham Datuk Fadzil Noor.

"Saya tidak pernah melupakan jasa Tuan Guru Nik Aziz dan Ustaz Fadzil Noor. Mereka menunjukkan contoh terbaik sebagai orang Islam yang membela nasib rakyat dan kasih pada semua orang dan bukannya seperti pemimpin pembangkang ketika ini yang suka menghina orang lain," katanya.